

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

RPW 551 - Undang-Undang Perancangan

Masa : (2 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab DUA (2) Soalan sahaja.

1. (a) C.C. Reade pada tahun 1923 telah memperkenalkan ideologi kepentingan awam sebagai asas untuk undang-undang perancangan bandar di Negeri-Negeri Bersekutu (F.M.S.).

Bincangkan latarbelakang keadaan kawalan kegunaan tanah pada masa itu dan bagaimanakah ideologi kepentingan awam dipercayai boleh mengatasi masalah-masalah pada masa itu. Adakah matlamat ideologi itu tercapai sehingga masa kini.

(40 Markah)

- (b) Satu daripada inovasi Enakmen Perancangan Bandar 1923 ialah menubuhkan pihak berkuasa perancangan di dalam bentuk Jawatankuasa Perancangan sebagai pihak berkuasa berasingan daripada pihak berkuasa tempatan.

Apakah tujuan penubuhan Jawatankuasa ini? Mengapakah inovasi ini tidak berjaya? Bagaimanakah dengan keadaan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976?

(40 Markah)

- (c) Di bawah Enakmen Perancangan Bandar 1923 semua pembangunan perlu mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Perancangan. Bincangkan.

(20 Markah)

...2/-

2. (a) Sistem Rancangan Pemajuan diamalkan di United Kingdom sejak tahun 1947 memberi kelenturan kepada pihak berkuasa perancangan tempatan semasa mereka mempertimbangkan permohonan pembangunan.

Apakah unsur-unsur di dalam sistem ini yang dikatakan boleh mencapai matlamat kelenturan itu?

Bagaimanakah sistem ini diubahsuaikan pada tahun 1969.?

Adakah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Malaysia) mempunyai ciri-ciri dan peruntukan yang sama untuk mencapai matlamat kelenturan itu?

(70 Markah)

- (b) Di United Kingdom, Setiausaha (Menteri) untuk Alam Sekitar ditetapkan sebagai kuasa muktamad di dalam semua rayuan terhadap tindakan atau keputusan pihak berkuasa perancangan tempatan. Mengapa? Bagaimanakah dengan peruntukan undang-undang di Malaysia?

(30 Markah)

3. (a) Di bawah Kanun Tanah Negara 1965, kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk menentukan kategori kegunaan tanah tidak terbatas. Bincangkan.

(70 Markah)

- (b) Adakah pemilik-pemilik tanah di Malaysia mempunyai hak pembangunan? Bincangkan isu ini dalam konteks perhubungan Pihak Berkuasa Negeri dengan pemilik tanah.

(30 Markah)

4. Bincangkan perkara-perkara berikut:-

- (a) Notis Beli di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Apakah perbezaannya dengan undang-undang perancangan di United Kingdom?

(30 Markah)

...3/-

- (b) Perancangan bandar seharusnya terhadap tanah bukan spesifik kepada pemohon kebenaran merancang.

Apakah pandangan anda tentang peruntukan seksyen 20 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 yang memerlukan seseorang menjalankan pemajuan "menurut kebenaran merancang yang diberi kepadanya"?

(30 Markah)

- (c) Bincangkan Prosedur Penglulusan draf rancangan struktur di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

(40 Markah)

-ooo000ooo-